



DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

WILAYAH PERSEKUTUAN

(BAHAGIAN SIVIL)

[GUAMAN NO: 23NCVC-38-03/2013]

ANTARA

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

... PLAINTIF

DAN

**SETIAUSAHA AGUNG
PARTI ISLAM SEMALAYSIA**

... DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

Ringkasan Fakta Kes

Plaintif merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (MPK) yang membina dan menyelenggara Zoo Bukit Takai, Kemaman Terengganu.

Manakala Defendan-Defendan adalah Setiausaha dan parti politik yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Pada 7.9.2012, semasa Defendan mengadakan Majlis Jamuan Hari Raya di Bandar Chukai, Terengganu, Defendan telah mengedarkan dan menyerahkan satu Risalah yang bertajuk “Adun Chukai Baham Tanah 5 Ekar” dan “Fakta Zoo Bukit Takai” (Risalah tersebut).

Plaintif menyatakan Risalah tersebut, P1 telah ditujukan kepada Plaintif dan mengandungi fakta palsu dan berunsur memfitnah Plaintif.

Plaintif menyatakan Risalah tersebut telah dicetak atau diterbitkan oleh Defendan dan Risalah tersebut tersebar luas dalam pengetahuan umum. Dengan terbitan Risalah ini oleh Defendan, telah menyebabkan reputasi dan nama baik Plaintif terjejas dan telah menjatuhkan maruah Plaintif.

Akibat daripada itu Plaintif telah alami kecederaan dan kerugian dan Plaintif menuntut terhadap Defendan.

Pihak Defendan di dalam Pembelaannya menyatakan yang Defendan tidak pernah menganjur Majlis Jamuan Raya di Bandar Chukai, Terengganu pada 7.9.2012.

Defendan menyatakan yang Defendan tidak terlibat dalam penyebaran Risalah tersebut. Defendan menyatakan yang Plaintif tiada kausa tindakan terhadap Defendan.

Secara alternatifnya Defendan memplidkan pembelaan perlindungan bersyarat dan pembelaan komen berpatutan.

Penilaian dan Pendapat Mahkamah

Undang-Undang

Bagi kes-kes saman fitnah, untuk Plaintif berjaya dalam tuntutannya, tiga elemen perlu dibuktikan ie, tiap-tiap elemen mesti dibuktikan.

Peter F Carter-Ruck and Harvey NA Starte dalam Carter-Ruck on *Libel and Slander* (5th Ed, 1997 Butterworths) pada mukasurat 35, dengan jelas menyatakan seperti berikut:

“In any action for defamation, whether it is for libel or slander, the plaintiff must prove that the matter complained of:

- i. is defamatory (defamation);*
- ii. refers to the plaintiff (identification);*

iii. *has been published to a third person (publication)*

The burden is upon the plaintiff to prove these three essential ingredients and if he cannot do so his action is bound to fail”.

Plaintif perlu terlebih dahulu membuktikan ketiga-tiga elemen di atas sebelum beliau boleh dikatakan telah berjaya membuktikan tuntutan terhadap Defendan-Defendan. Hanya selepas pembuktian elemen-elemen tersebut, barulah Defendan-Defendan dipanggil untuk mengemukakan dan membuktikan semua pembelaan-pembelaan yang berkaitan.

Sekiranya Plaintif gagal membuktikan salah satu elemen-elemen di atas maka tuntutan terhadap Defendan-Defendan boleh ditolak dan Defendan-Defendan tidak perlu mengemukakan dan membuktikan pembelaan-pembelaan mereka. Prinsip ini telah dijelaskan di dalam kes-kes *S. Pakianathan v. Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173 dan *Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor* [1966] 2 MLJ 66.

Adakah pengataan-pengataan yang dikatakan fitnah merujuk kepada Plaintif

Dari keterangan yang dikemukakan pengataan fitnah seperti yang dihidkan di dalam Perenggan 7 (1) hingga (6) di dalam Penyata Tuntutan Plaintif, tidak langsung menamakan Plaintif atau pun mengaitkan Plaintif.

Di dalam kes Privy Council *Knupffer v. London Express Newspaper Ltd.* [1944] AC 116 pada mukasurat 119, menyatakan:

“Where the Plaintiff is not named, the test which decides whether the words used refer to him is the question whether the words are such as would reasonably lead persons acquainted with the plaintiff to believe that he was the person referred to”.

Walau bagaimanapun sesuatu pengataan masih boleh dianggap merujuk kepada Plaintif walaupun tanpa menyebut namanya, asalkan keadaannya, boleh membuat orang yang mengenali Plaintif secara munasabah

mempercayai bahawa pengataan tersebut merujuk kepada beliau - lihat kes *Kian Lup Construction v. Hong Kong Bank Malaysia Bhd.* [2002] 7 CLJ 32.

Beban adalah atas Plaintiff untuk membuktikan yang pengataan berkenaan boleh membuat orang lain mengenali Plaintiff secara munasabah mempercayai bahawa pengataan tersebut merujuk kepada Plaintiff.

Plaintiff telah memanggil 4 orang saksi yang semuanya adalah kakitangan Plaintiff. Saksi-saksi ini adalah sebahagian daripada Plaintiff. Saksi-saksi Plaintiff menyatakan Risalah ini merujuk kepada Plaintiff.

Tidak ada saksi lain iaitu pihak ketiga yang dipanggil oleh Plaintiff untuk memberi keterangan selain daripada kakitangan MPK sendiri bagi membuktikan secara munasabah pengataan-pengataan fitnah tersebut merujuk kepada Plaintiff.

Privy Council dalam kes *Knupffer (supra)* menyatakan ujian adalah bahawa di mana jika Plaintiff tidak dinamakan, ujian yang memutuskan sama ada perkataan yang digunakan merujuk kepada Plaintiff adalah persoalan sama ada pengataan-pengataan itu secara munasabah akan membawa orang yang mengetahui Plaintiff untuk mempercayai bahawa Plaintiff adalah orang yang disebut.

Plaintiff gagal kemukakan keterangan dari saksi yang mengenali atau mengetahui Plaintiff selain dari kakitangan Plaintiff sendiri untuk membuktikan secara munasabah mereka mempercayai bahawa pengataan-pengataan yang dikatakan fitnah tersebut merujuk kepada Plaintiff. Dengan itu Plaintiff gagal melepasi beban ujian yang dikenakan ke atas beliau.

Saya dapati tidak ada keterangan dari mereka yang mengetahui atau mengenali Plaintiff (acquainted) dikemukakan ke Mahkamah untuk memberi keterangan yang bila mereka membaca Risalah tersebut mereka

secara munasabah akan mempercayai yang Risalah tersebut merujuk kepada Plaintiff.

Saksi-saksi Plaintiff semuanya dari MPK yang merupakan kakitangan MPK sendiri dan sebahagian daripada Plaintiff, jadi Plaintiff perlu membawa keterangan dari mereka yang mengetahui atau mengenali Plaintiff bagi membuktikan yang pengataan-pengataan yang dikatakan fitnah itu merujuk kepada Plaintiff.

Atas alasan di atas, saya dapati Plaintiff gagal atas imbangan kebarangkalian membuktikan yang pengataan-pengataan yang dikatakan fitnah itu merujuk kepada Plaintiff.

Samada pengataan berkenaan berunsur fitnah

Di dalam kes *Chok Foo Choo v. The China Press Bhd.* [1999] 1 CLJ 461, Mahkamah Rayuan memutuskan:

“It cannot, I think, be doubted that the first task of a court, in an action for defamation, is to determine whether the words complained of are capable of bearing a defamatory meaning.

.....

.....

..... the test which is to be applied lies in the question : do the words published in their natural and ordinary meaning impute to the plaintiff any dishonourable or discreditable conduct or motives or a lack of integrity on his part? If the question invites an affirmative response, then the words complained of are defamatory”.

Ujian bagi menentukan samada pengataan berkenaan berunsur fitnah atau tidak adalah bahawa pengataan-pengataan berkenaan disiarkan dalam maksud biasa dan semulajadi yang mengaitkan Plaintiff kepada apa-apa

penghinaan dan tohmahan atau tidak berintegriti di pihak Plaintiff. Jika soalan-soalan ini dijawab secara afirmatif, maka pengataan yang diadakan itu berunsur fitnah.

Plaintif di dalam Perenggan 9, Penyata Tuntutan beliau mengatakan dalam maksud biasa dan semulajadi, Defendan bermaksud yang Plaintiff :

- a. Pihak Berkuasa Tempatan yang menyalahgunakan wang rakyat;
- b. telah melakukan pembaziran dalam pengurusan kewangan Zoo tersebut;
- c. Plaintiff adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak amanah, tidak cekap, tidak beretika, tidak jujur dan membina Zoo tersebut tanpa apa-apa manfaat kepada penduduk tempatan.

Risalah ini tidak langsung dapat dikaitkan untuk merujuk kepada Plaintiff seperti alasan saya di awal tadi. Jadi untuk menyatakan yang pengataan yang didakwa fitnah ini bermaksud seperti dinyatakan di atas adalah tidak berasas.

Saya dapati Plaintiff gagal buktikan yang pengataan-pengataan yang diplidkan dalam Perenggan 7 (1) hingga (6) di dalam Penyata Tuntutan berunsur fitnah ke atas Plaintiff.

Penyiaran

Plaintif menyatakan Risalah tersebut disiarkan oleh Defendan di Majlis Jamuan Hari Raya pada 7.9.2012 di Bandar Chukai Terengganu. SD1 akui didalam keterangan beliau bahawa terdapat Majlis Jamuan Hari Raya pada 7.9.2012 yang dianjurkan oleh Defendan. Tetapi SD1 menafikan bahawa terdapatnya pemberian Risalah-Risalah pada hari jamuan berkenaan.

Walau bagaimanapun melalui keterangan SP1, SP2 dan SP3 yang gagal disangkal oleh Defendan membuktikan yang Risalah tersebut telah diedarkan oleh pihak Defendan.

SP1 dan SP2 saling menyokong bahawa wujudnya Majlis Jamuan Hari Raya dimana Risalah seperti dalam tindakan ini diedarkan.

Diakui oleh SD1, majlis tersebut adalah majlis yang dianjurkan oleh Defendan-Defendan. Mengikut keterangan SP2 bahawa orang yang mengedar Risalah tersebut kepada kenderaan-kenderaan yang melalui di kawasan tersebut termasuk diedarkan kepada SP1 dan SP2. Mereka yang mengedar memakai baju bertulis “PAS ganti UMNO”. Semua keterangan-keterangan ini tidak dapat disangkal oleh Defendan. Dari keterangan-keterangan ini, saya membuat inferen bahawa Risalah berkenaan telah diedar oleh Defendan.

Bagi kes-kes fitnah, penyiaran pengatahan fitnah antara elemen yang mesti dibuktikan. Persoalan samada Risalah dicetak oleh Defendan atau tidak, ini tidak akan menjejaskan kes Plaintiff sekiranya ketiga-tiga elemen iaitu pengatahan-pengatahan berunsur fitnah, merujuk pada Plaintiff dan pengatahan disiarkan pada pihak ketiga.

Sekiranya ketiga-tiga elemen ini dibuktikan maka beban adalah atas Defendan untuk membuktikan Pembelaan mereka.

Di dalam tindakan ini, seperti alasan-alasan saya yang dinyatakan di atas, Plaintiff gagal buktikan dua elemen iaitu pengatahan-pengatahan berunsur fitnah dan pengatahan-pengatahan merujuk kepada Plaintiff.

Atas kegagalan Plaintiff membuktikan ketiga-tiga elemen ini, maka tuntutan Plaintiff dibawah tort fitnah adalah tidak dapat dibuktikan.

Adalah undang-undang mantap bahawa untuk kes-kes fitnah bahawa setiap satu dari ketiga-tiga elemen iaitu pengatahan-pengatahan berunsur fitnah, merujuk kepada Plaintiff dan pengatahan-pengatahan disiarkan pada



pihak ketiga dibuktikan, barulah secara prima facie Plaintiff membuktikan kesnya - lihat kes *Subramaniam Paramesivam v. Courts Mammoth Berhad & Anor* [2010] 1 LNS 904. Di dalam tindakan ini Plaintiff gagal berbuat demikian.

Berdasarkan pada semua alasan-alasan di atas, saya dapati bahawa Plaintiff gagal membuktikan kesnya atas imbalan kebarangkalian terhadap Defendan-Defendan. Maka dengan itu tuntutan Plaintiff ditolak oleh Mahkamah dengan kos. Kos sebanyak RM30,000.00 untuk dibayar oleh Plaintiff kepada Defendan.

BERTARIKH: 27 FEBRUARI 2014

(ROSILAH YOP)

Pesuruhjaya Kehakiman

NCvC 8

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Kaunsel:

Bagi pihak Plaintiff - Azwan Abdul Wahab; T/n Dzahara & Associates

Peguambela dan Peguamcara

Bagi pihak Defendan - Noorazmir Zakaria; T/n Noorazmir, Khadijah & Associates

Peguambela dan Peguamcara

Kes-kes yang dirujuk:

S Pakianathan v. Jenni Ibrahim [1988] 2 MLJ 173

Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor [1966] 2 MLJ 66

Knupffer v. London Express Newspaper Ltd. [1944] AC 116



[2014] 1 LNS 1952

Legal Network Series

Kian Lup Construction v. Hong Kong Bank Malaysia Bhd [2002] 7 CLJ 32

Chok Foo Choo v. The China Press Bhd [1999] 1 CLJ 461

Subramaniam Paramesivam v. Courts Mammoth Berhad & Anor [2010] 1 LNS 904